

“PANDANGAN POLITIK DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2013: KAJIAN KES DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR”

Subtema:

Politik: Kesenambungan dan Perubahan

^{1&2}Junaidi Awang Besar (Calon PhD/pembentang), ¹Rosmadi Fauzi &

¹Amer Saifude Ghazali

¹Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

²Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

E-mail pembentang: junaididee@yahoo.com

No tel bimbit: 0123746098

ABSTRAK

Sejarah perkembangan dan proses politik demokrasi di Kuala Lumpur telah bermula seawal tahun 1952 apabila berlangsungnya Pilihan Raya Municipal yang ketiga dan diikuti Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955 berikutan inisiatif kerajaan British memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin tempatan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Dari segi geopolitik, Kuala Lumpur, amat penting bagi mana-mana parti politik terutamanya yang memerintah kerana ia merupakan *powerhouse* negara di mana tempat letaknya Parlimen Malaysia dan menjadi lokasi cabang utama eksekutif dan kehakiman kerajaan Persekutuan sejak sekian lama. Wilayah ini menonjolkan budaya politik dan pola pengundian yang agak berbeza disebabkan faktor urbanisasi

dan demografi penduduknya yang berbeza dengan negeri-negeri lain dan sekaligus menjadikan fokus kajian politik di Kuala Lumpur begitu menarik. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis persepsi politik pengundi di Kuala Lumpur seterusnya mempengaruhi pilihan politik mereka dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013. Berdasarkan data soal selidik terhadap 1069 responden di 11 kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kajian sekunder terhadap bahan-bahan akademik yang berkenaan didapati responden menyatakan mereka memilih calon yang jujur dan amanah serta mesra rakyat serta menyokong parti yang dapat memacu pembangunan dan membasmi kemiskinan. Mereka turut menyatakan rakyat menyokong BN kerana berpengalaman, janji ditepati serta mengenang jasa pemimpin BN terdahulu manakala rakyat mengundi parti-parti dalam Pakatan Rakyat kerana untuk mencuba pemerintahan yang baru, adil dan janji yang ditawarkan adalah menarik dan menguntungkan rakyat. Responden juga kritis terhadap isu-isu nasional seperti isu ekonomi, sosial dan politik namun mempunyai identifikasi politik yang jelas terhadap parti yang mereka sokong. Seterusnya majoriti responden Melayu dan India menyokong BN berbanding responden Cina yang menyokong parti-parti dalam Pakatan Rakyat dalam PRU 2013 yang lalu.

Katakunci: sejarah, pilihan raya umum, budaya politik, pola pengundian, pemerintahan

POLITICAL VIEWS IN GENERAL ELECTIONS 2013: A CASE STUDY IN THE TERRITORY OF KUALA LUMPUR

ABSTRACT

Historical development and democratic political processes in Kuala Lumpur had started as early as 1952 when the Municipal Election takes place in the third and followed the Federal Legislative Elections in 1955 following the British government's initiative provides an opportunity for local leaders Malaya towards self-government. In terms of geopolitics, Kuala Lumpur, it is important for any particular political party in power because it is the powerhouse of the country where the Malaysian Parliament and of the location of the executive and judicial branches of the federal government for a long time. This region highlights the political culture and voting patterns are quite different due to urbanization and demographic factors are different people with other states and thus making the focus of political studies in Kuala Lumpur so interesting. Thus, it is the purpose of writing this paper is to analyze the political perception of voters in Kuala Lumpur in turn influence their political choices in the General Election (GE) in 2013. Based on questionnaire data on 1069 respondents in 11 parliamentary constituencies in the Federal Territory of Kuala Lumpur and secondary research on academic materials may be found respondents said they prefer candidates who are honest and trustworthy and friendly people as well as supporting a party that can drive development and poverty eradication. They also expressed support BN as experienced people, promises are kept and fondly remembered BN leaders before while people vote for parties in Pakatan Rakyat as to try the new administration, justice and the promise offered is attractive and

profitable people. Respondent's also critical national issues such as economic, social and political, but had a clear political identification with the party they support. Next, majority Malays and Indians support BN than Chinese respondents who support the parties in the Pakatan Rakyat in the last election in 2013.

Keywords: history, general elections, political culture, voting patterns, the rule

PENGENALAN

Kuala Lumpur merupakan wilayah termaju di Malaysia serta mengalami urbanisasi yang pesat hasil pembangunan ekonomi dan sosial yang berterusan. Dari segi sosial, Kuala Lumpur mempunyai komposisi kaum yang seimbang antara 3 kaum utama di negara ini iaitu Melayu, Cina dan India seterusnya mempunyai penduduk Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang seimbang dan juga sebagai pusat kebudayaan nasional. Dari segi politik, Kuala Lumpur adalah pusat pentadbiran/pemerintahan dan politik di Malaysia serta negeri yang mengalami isu politik yang dinamik kerana penduduknya yang berbilang bangsa serta mempunyai taraf hidup, tahap pendidikan yang tinggi dan akses maklumat yang lebih luas (media alternatif/internet) berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, oleh itu tahap pemikiran rakyat Kuala Lumpur lebih terbuka dan kritikal terhadap pemerintah dan isu setempat dan isu nasional. Dari segi logistik, Kuala Lumpur merupakan kawasan negeri/wilayah yang mempunyai taraf kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, telekomunikasi, jalan raya, kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang lebih baik. Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia dan aktiviti utama parti politik di negara ini bertumpu disini. Ibu pejabat parti-parti utama di negara ini iaitu UMNO, MCA, MIC, GERAKAN, DAP dan PAS terletak di sekitar Kuala Lumpur. Dinamika politik di Kuala Lumpur juga menarik kerana mempunyai 11 kawasan Parlimen dengan komposisi kaum sama ada majoriti kaum Melayu, Cina dan juga kawasan campuran. Kuala Lumpur juga mempunyai pelbagai jenis perumahan daripada perkampungan tradisi Melayu dan Cina, perumahan kos rendah seperti rumah-rumah flat, perumahan kos sederhana seperti rumah apartmen dan kondominium dan perumahan kos tinggi seperti banglo dan rumah teres dua serta tiga tingkat. Letakan jenis perumahan yang pelbagai tersebut dipengaruhi oleh kadar pendapatan sebulan, tahap pendidikan, jenis pekerjaan serta etnik tertentu. Keadaan ini menghasilkan pola persepsi dan tingkahlaku politik yang berbeza dan menarik untuk dikaji. Senario dan latar peristiwa politik di Kuala Lumpur juga berbeza dalam setiap Pilihan Raya Umum (PRU) terutamanya pada PRU 1969, PRU 1974, PRU 1990, PRU 1999, PRU 2004, PRU 2008 dan terkini PRU 2013. Justeru itu, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis pandangan politik dalam pilihan raya umum 2013 dengan menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai kajian kes dalam kertas kerja ini.

METODOLOGI KAJIAN

Sumber data kajian diperoleh daripada data primer dan data sekunder. Bagi data primer, sebanyak 1069 responden disoal selidik di sekitar Kuala Lumpur dengan menggunakan satu set borang soal selidik dan responden dibahagikan lagi mengikut etnik. Penentuan sampel adalah berdasarkan kepada teknik *simplified sample size formula* yang diguna Taro Yamane (1967a; 1967b) iaitu $n = N/(1+Ne^2)$ dengan margin error ± 3 peratus dan aras keyakinan 95 peratus. Selain itu, temubual bersemuka turut dilakukan terhadap beberapa pengundi di sekitar Kuala Lumpur di samping pemerhatian di lapangan iaitu ketika hari penamaan calon, kempen, hari pengundian dan pengumuman keputusan PRU yang juga disertai oleh penulis. Bagi data sekunder pula, kaedah rujukan kepustakaan digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan perkembangan pilihan raya umum di Kuala Lumpur. Maklumat sekunder diperoleh dari data, laporan, kertas kerja, artikel, buku prosiding, buku rujukan ilmiah, akhbar dan jurnal.

KAWASAN KAJIAN: KUALA LUMPUR

Dari sudut sejarah, perbandaran di Kuala Lumpur telahpun wujud sejak awal abad ke 19 dengan terdapatnya penempatan orang Melayu dan Orang Asli tradisional di sepanjang Sungai Klang. Penduduk Melayu dikesan telah mengusahakan aktiviti perlombongan biji timah secara kecil-kecilan ketika menunggu musim menuai (Azmeer, 2012). Proses perkembangan perbandaran Kuala Lumpur bermula pada tahun 1857 apabila Raja Abdullah, penguasa Lembah Kelang telah membawa sejumlah 80 orang bermudik ke hulu dan mula mencari potensi perlombongan bijih di kawasan Ampang. Ekspedisi pertama ini telah berjaya mengenalpasti kawasan yang kaya dengan bijih timah di Lembah Klang (Ahmad Kamal Arifin, 2001). Walau bagaimanapun ramai daripada peneroka pelombong tersebut telah meninggal dunia kerana dijangkiti malaria. Ekspedisi ini berjaya mencari bijih timah yang belum diterokai, ini menyebabkan Raja Abdullah membawa seramai 150 orang lagi pada ekspedisi selanjutnya. Perlombongan bijih timah secara komersial telah meningkatkan lagi peranan Kuala Lumpur yang dahulunya hanya pusat perkhidmatan kepada pelombong kepada pusat perdagangan dan seterusnya pusat pentadbiran (Adnan, 1997).

Rupa bentuk perbandaran kawasan pusat bandar Kuala Lumpur sekarang adalah hasil daripada pelan asal Kuala Lumpur dan bermulalah pembinaan struktur-struktur tetap yang masih kelihatan hingga sekarang ini. Walaupun pembinaan semula telah menukar pandangan bandar, pelan asal Kuala Lumpur ditebing timur masih mengikut plan bandar yang dibina oleh Yap Ah Loy. Apabila Kuala Lumpur telah dipilih untuk dijadikan sebagai pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu peranan Kuala Lumpur perlu dipertingkatkan sebagai pusat pentadbiran politik dan ekonomi kepada negeri-negeri tersebut. Oleh kerana di bahagian timur Sungai Klang merupakan kawasan rumah kedai yang merupakan nadi perdagangan kepada Kuala Lumpur maka kawasan bahagian barat Sungai Kelang dikenalpasti untuk menempatkan pejabat-pejabat kerajaan dan kediaman para pegawai kolonial. Banyak bangunan kerajaan telah dibina untuk menampung fungsi Kuala Lumpur apabila ianya telah dipilih sebagai ibu negeri Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kelompok bangunan-bangunan kerajaan di sekitar padang (Dataran Merdeka) telah dibina dengan menarik agar dapat menarik minat para usahawan membuat pelaburan di Lembah Kelang. Kedudukan Kuala Lumpur di tengah-tengah Semenanjung dan kemudahan sistem pengangkutan yang baik memudahkan ia dikunjungi merupakan faktor kepesatan perkembangan penduduk Kuala Lumpur (JPI, 1995).

Penumpuan pembangunan lebih banyak di Lembah Klang terutamanya Kuala Lumpur telah meningkatkan lagi kemasukan penduduk beramai-ramai ke Kuala Lumpur. Bandar Petaling Jaya merupakan bandar satelit pertama kepada Kuala Lumpur dirancang untuk menampung pertumbuhan penduduk yang meningkat dan menempatkan semula penduduk yang menduduki kawasan setinggan. Bandar ini juga dirancang untuk menempatkan kawasan perindustrian yang dapat menjana pekerjaan kepada penduduk (UPSB, 1996).

Sehingga tahun 1970, pola pengelompokan penduduk tidak mengalami perubahan besar di mana penumpuan orang Melayu masih di Kampung Baru, Kampung Datuk Keramat-Jalan Gurney, Kampung Kerinci, Kampung Haji Abdullah Hukum dan Kampung Pandan. Orang Cina tertumpu di Chow Kit, Segambut, Kampung Baru Ayer Panas, Ulu Klang, Jinjang, Kepong, Sungai Besi dan Salak Selatan manakala orang India pula masih di Sentul, Brickfields dan Bangsar (DBKL, 1970). Kemudian pada 1971, Kuala Lumpur telah dikurniakan status bandaraya pada 1 Februari. Pesuruhjaya Ibu Kota bergelar Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Ibu Kota dikenali sebagai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Datuk Bandar Kuala Lumpur yang Pertama adalah Tan Sri Dato' Lokman Yusof. Seterusnya pada tahun 1972, Kuala Lumpur telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan. Apabila Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1974 kawasan pentadbiran telah diperluaskan daripada 36 batu persegi kepada 94 batu persegi. Penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memudahkan lagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berperanan dengan lebih berkesan untuk mentadbir dan memandu arah perkembangan Kuala Lumpur (Ismail & Azmi, 2001).

Pertumbuhan pesat perbandaran Kuala Lumpur adalah dibantu oleh persekitaran pelaburan hartanah yang menggalakkan. Kuala Lumpur mengalami zaman kemuncak pada tahun 1973 dan tahun 1974. Kepesatan pertumbuhan pembangunan pada tahun 1970-an dan awal tahun 1980 telah banyak memusnahkan bangunan bersejarah dan digantikan dengan bangunan-bangunan pencakar langit. Keadaan ini bukan sahaja menjadikan Kuala Lumpur kehilangan identiti dan karekter tersendiri malahan telah menimbulkan berbagai masalah perbandaran seperti kesesakan lalulintas, spekulasi hartanah, ketidakseimbangan pembangunan, ketidakselamatan kepada para pejalan kaki dan penurunan mutu kualiti alam sekitar (DBKL, 1990).

Kemunculan bangunan-bangunan pencakar langit yang berselerak di kawasan pusat bandar telah menjejaskan nilai keindahan kepada pandangan kerana perbezaan ketara di antara bangunan-bangunan baru dan bangunan sedia ada. Apabila pihak kerajaan mengeluarkan arahan untuk tidak membenarkan aktiviti perlombongan bijih dan pertanian dilaksanakan, Kuala Lumpur mempunyai kawasan yang berpotensi untuk pembangunan yang luas untuk menampung bilangan penduduk yang semakin bertambah. Ladang-ladang dan kawasan bekas lombong telah dikenalpasti untuk dijadikan bandar-bandar baru dan kawasan-kawasan perumahan. Kepesatan pembangunan di Kuala Lumpur di antara tahun 1970 hingga 1980 telah meningkatkan lagi penduduk Kuala Lumpur dua kali ganda kepada hampir 1.1 juta orang (Ismail & Azmi, 2001).

Pembangunan yang pesat telah menimbulkan banyak masalah seperti kesesakan lalu lintas, penawaran tanah yang tidak mencukupi, pembangunan yang terpisah, taburan pembangunan fizikal yang tidak seimbang dan mutu alam sekitar yang menurun. Dalam usaha untuk mengawal pembangunan yang tidak terkawal, DBKL telah menyediakan Plan Struktur Kuala Lumpur pada tahun 1980 dan diwartakan pada tahun 1984 (Khairani, 1993). Strategi Plan Struktur ialah meningkatkan pusat-pusat pertumbuhan baru dengan membina beberapa bandar baru seperti Bandar Tun Razak,

Wangsa Maju, Bukit Jalil dan Damansara (DBKL, 1995). Di kawasan ini diperuntukkan sekurangnya 30 peratus daripada unit perumahan perlu dibina dengan perumahan kos rendah dengan kos 25,000 seunit. Perkembangan perbandaran dan peningkatan penduduk Kuala Lumpur telah meningkatkan lagi pembangunan kawasan perumahan. Kawasan-kawasan yang luas terutamanya bekas ladang getah telah dibeli oleh pemaju perumahan swasta dan ditukarkan kepada taman perumahan dan bandar baru seperti Paramount Garden, Damansara Utama, Taman Tun Dr Ismail Damansara, Bangsar Baru, Overseas Union Garden dan Cheras, Bandar Baru Tun Razak, Bandar Baru Wangsa Maju (Kamarul Afizi et al., 2008).

Pada tahun 2000 hingga kini (2014) sistem pengangkutan dimantapkan lagi dengan pembinaan ERL serta terowong SMART, Hentian Puduraya (kini Pudu Sentral) yang diubahsuai dengan kemudahan penghawa dingin dan kedap asap, KL Sentral, Terminar Bersepadu Selatan (TBS) di Bandar Tasik Selatan dan kini (2014) dalam pembinaan Projek Sistem Pengangkutan Pantas (MRT) Lembah Klang Kuala Lumpur yang bermula sejak pertengahan tahun 2012. Projek pembinaan MRT tersebut membabitkan pembinaan rangkaian rel menghubungkan ibu kota dengan enam kawasan yang memanfaatkan lebih enam juta pengguna. Projek berharga RM40 bilion tersebut yang dilaksanakan secara berperingkat bermula pertengahan tahun 2012 meliputi laluan ke Serdang, Cheras, Kepong, Damansara, Subang Jaya dan Puchong. Menurut sumber Kementerian Kewangan, sepertiga daripada rangkaian rel sepanjang 150 kilometer itu akan dibina di bawah tanah. MRT menawarkan perkhidmatan lebih mesra pengguna, sekaligus membolehkan penumpang membuat transit antara stesen dengan mudah kerana memiliki penambahan jaringan rangkaian lengkap membabitkan perkhidmatan kereta api antara bandar, komuter, monorel, transit aliran ringan (LRT), Ekspress Rail Link (ERL) (Junaidi et al., 2012).


Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia merupakan satu dari tiga wilayah di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kuala Lumpur yang meliputi tanah seluas 244 kilometer persegi (94 batu persegi) dengan anggaran penduduk lebih 1.6 juta orang tergolong dalam sebuah kawasan metropolitan besar meliputi sebahagian besar Lembah Klang, iaitu pengelompokan bandar-bandar yang didiami seramai lebih dari 7.2 juta orang penduduk. Bandar raya ini menjadi pusat industri, kebudayaan, pendidikan dan ekonomi kerana kedudukannya sebagai ibu negara Malaysia (Peter & Phang, 2012).

Dari segi kumpulan pekerjaan di Kuala Lumpur, 18.7 peratus bekerja dalam sektor perkhidmatan, pekerja kedai dan jurujual; masing-masing 14.8 peratus bekerja dalam bidang penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus serta pekerja perkeranian; 12.4 peratus juruteknik dan profesional bersekutu; 10.9 peratus pekerjaan asas; 9.9 peratus profesional; dan 7.3 peratus bekerja sebagai operator loji dan mesin serta pemasangan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2004). Kuala Lumpur adalah kawasan kediaman kepada 1.6 juta penduduk (2005) dan ia dijangka bertambah kepada 2.2 juta menjelang tahun 2020. Dengan penyediaan rumah sebanyak 464,996, sektor perumahan dijangka akan berkembang pesat dan menyumbang kepada 'urban footprint' Kuala Lumpur. Kediaman adalah keperluan asas manusia selain makanan, air dan udara. Oleh itu, setiap bandar perlu memastikan setiap keluarga mempunyai tempat tinggal yang selamat, selesa dan sihat.

Dari aspek geografi fizikal, Kuala Lumpur terlindung oleh Banjaran Titiwangsa di timur dan pulau Sumatera, Indonesia di barat. Kuala Lumpur beriklim hutan hujan tropika yang panas dan

cerah dengan curahan hujan yang lebat sepanjang tahun, terutamanya ketika musim monsun timur laut dari bulan Oktober hingga Mac. Suhunya agak malar iaitu maksimumnya sekitar 31 and 33 °C (88 and 91 °F) tetapi tidak pernah melampaui 37 °C (99 °F), sementara minimumnya sekitar 22 and 23.5 °C (72 and 74 °F) dan tidak pernah kurang daripada 19 °C (66 °F). Kuala Lumpur lazimnya menerima curahan hujan sebanyak 2,266 mm (89.2 in) setiap tahun; bulan Jun dan Julai agak kering, namun demikian curahan hujan biasanya melebihi 125 mm (5 in) sebulan. Banjir sering berlaku di Kuala Lumpur apabila hujan turun dengan lebatnya, khususnya di pusat bandaraya dan kawasan hilir. Adakalanya, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya dicemari oleh jerebu akibat kepulan zarah-zarah habuk dari kebakaran hutan di Pulau Sumatera, menjadikan jerebu sebagai salah satu punca utama pencemaran di bandaraya di samping pembakaran terbuka, pengeluaran bahan-bahan pencemar dari kenderaan bermotor dan kerja-kerja pembinaan (Peter & Phang, 2012).

Sehingga tahun 2014, Kuala Lumpur mengandungi 11 bahagian pilihan raya Parlimen, 216 Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1), 1349 saluran mengundi dengan komposisi 44.4 peratus adalah Melayu, 43.2 peratus Cina, 11.1 peratus India dan 1.4 peratus kaum-kaum lain dengan 792,017 pemilih (pengundi) berdaftar. Sehingga 11 April 2013, di Kuala Lumpur terdapat 792,017 pemilih (pengundi) berdaftar dengan komposisi 44.4 peratus adalah Melayu, 43.2 peratus Cina, 11.1 peratus India dan 1.4 peratus kaum-kaum lain dengan 792,017 pemilih (pengundi) berdaftar. Dari segi jantina pengundi, terdapat 396,952 pemilih (50.12 peratus) lelaki dan 395,119 pemilih (49.88 peratus) adalah perempuan. Jika dilihat kepada jenis pengundi, 751,322 pemilih (94.86 peratus) adalah Pengundi Biasa, Pengundi Tentera dan Pasangan 24,892 pemilih (3.14 peratus), Pengundi Polis dan Pasangan 15,453 pemilih (1.95 peratus) dan Pengundi Luar Negara 404 pemilih (0.05 peratus) yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) (http://www.pru13.gov.my/pdf/statistik_bilangan_parlimen/statistik_pemilih_negeri.pdf). Dari segi lokasi dan logistik Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan adalah dibawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur mempunyai 11 Parlimen dan 216 Daerah/Pusat Mengundi dan 1349 saluran mengundi (http://www.pru13.gov.my/default.informasi.04.php?state=KUALA%20LUMPURdannegeri=pdf/statistik_umum/kl2.pdf).



Rajah 1: Peta kedudukan kawasan-kawasan Parlimen dan Daerah-Daerah Mengundi di Kuala Lumpur

(Nota: P114 Kepong; P115 Batu; P116 Wangsa Maju; P117 Segambut; P118 Setiawangsa; P119 Titiwangsa; P120 Bukit Bintang; P121 Lembah Pantai; P122 Seputeh; P123 Cheras; dan P124 Bandar Tun Razak)

Sumber: Diubahsuai daripada Peta AGISwlk, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Putrajaya 2012; Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya di 11 kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Mengikut Daerah-Daerah Mengundi, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Rakyat Menyokong BN

Berdasarkan beberapa kajian sebelum ini, kebiasaannya orang Melayu akan memberikan sokongan yang kuat kepada BN pada setiap kali PRU diadakan. Sehingga ada kajian yang menyifatkan pilihan raya di Malaysia tidak kompetitif dari segi keputusan pilihan raya kerana parti yang sama iaitu BN akan menang pada setiap kali pilihan raya tanpa mendapat tentangan yang sengit daripada mana-mana parti (Nohlen & Hartmann, 2001). Dalam kajian ini responden telah ditanya mengenai faktor

mereka menyokong BN. Oleh itu, terdapat beberapa faktor telah dikenal pasti yang menjadi penyebab Kerajaan Pusat (BN) disokong atau menjadi pilihan.

Jadual 1: Persepsi responden mengenai faktor-faktor yang menyebabkan rakyat menyokong BN

1.	Mengenal jasa	62.2	5.	Sesuai dengan masyarakat majmuk	22.0
2.	Mesra rakyat	55.8	6.	Kepimpinan yang berpandangan jauh	11.5
3.	Berpengalaman	55.5	7.	Progresif/pejuang kemajuan	6.7
4.	Janji ditepati	39.6	8.	Terbuka/Sederhana	6.4

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Faktor utama menurut responden bahawa rakyat menyokong BN adalah atas dasar mengenang dan menghargai jasa pemimpin terdahulu (62.2 peratus) (Lihat Jadual 1). Mereka merasakan adalah wajar sebagai rakyat Malaysia untuk terus menyokong pentadbiran BN kerana dengan dasar dan kepimpinan BN yang sedia ada, sekaligus menjadikan Malaysia terus membangun dan terkenal di pelusuk dunia. Pemimpin sebelum ini telah banyak menyumbang idea dan tenaga demi membangun dan memajukan negara (Daud, 2013). Di samping itu, atas pengorbanan pemimpin BN dahulu, ada antara responden yang sedih dan sebak dengan perjuangan pemimpin sebelum ini. Perjuangan untuk kesejahteraan rakyat dan keamanan negara terus menjadi agenda utama. Pertumbuhan ekonomi turut berkembang dan semakin rancak dengan penelitian yang teratur. Oleh itu, mereka merasakan adalah wajar untuk mereka terus meneruskan untuk menyokong BN.

Faktor seterusnya yang menguatkan lagi hujah sebab-sebab rakyat menyokong BN adalah disebabkan oleh faktor pengalaman BN dalam pemerintahan sejak pra-kemerdekaan hinggalah sekarang. Ini membawa kepada mengenang jasa oleh rakyat kepada parti yang sudah sekian lama meneraju pemerintahan di negara ini. Kebanyakan responden menyatakan sebab yang sama dan mereka ingin terus menyokong BN kerana takut dan tidak bersedia dengan pentadbiran yang baru di bawah parti selain BN kerana dianggap lemah dan kurang pengalaman (Kamarudin, 2013). Menurut Naib Presiden kanan Parti Progresif Penduduk (PPP) iaitu Datuk Maglin Dennis D'Cruz, beliau percaya faktor pengalaman menjadi salah satu sebab utama rakyat terus menyokong kerajaan yang sedia ada iaitu BN sebagai sebuah kerajaan untuk rakyat sejak 55 tahun yang lepas. Penduduk menyatakan pemilihan BN sebagai parti yang disokong adalah bagi mengelakkan Malaysia berdepan dengan masalah dan nasib yang sama di beberapa buah negara di dunia yang menghadapi kesukaran berikutan penyerahan kuasa kepada parti yang tiada pengalaman.

Selain itu, rakyat juga menyokong BN kerana faktor isu pembangunan dan janji yang ditepati. Masyarakat melihat BN di bawah gagasan 1 Malaysia sebenarnya bertambah mantap dan telah berjaya mengubah pandangan rakyat akan peri pentingnya perpaduan kaum. Pembangunan yang dibuat lebih mengutamakan kepentingan rakyat, antaranya membasmi kemiskinan, menaik taraf sistem pengangkutan awam dan keperluan yang lain. Oleh itu, wujudlah Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Komputer 1Malaysia dan lain-lain. Janji-janji telah ditepati dengan pembukaan lebih 50 buah klinik dengan peruntukan RM10 juta serta barangan yang dijual di Kedai Rakyat adalah 30 hingga 40 peratus lebih murah berbanding di kedai lain. Pengedaran unit komputer di sekolah telah membuktikan kejayaan BN menunaikan janji.

Seterusnya, imej kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak. Beliau telah menunjukkan gaya kepimpinan yang tenang, idealistik, matang, berkaliber dan bersedia mendengar pandangan rakyat daripada kesemua latar belakang sosioekonomi melalui pelbagai cara seperti dalam program turun padang (Program Janji Ditepati di setiap negeri) dan juga melalui media sosial (*facebook*, *twitter* dan *instagram*) sehingga menjadi salah satu kelebihan BN terus kekal menjadi parti yang disokong oleh rakyat di peringkat nasional. Beliau telah melaksanakan dasar 1 Malaysia yang menjadi tonggak kepada pembangunan Malaysia. Rakyat hari ini melihat kepimpinan Perdana Menteri adalah sebagai pemimpin yang mendengar keluhan dan masalah rakyat. Pendekatan yang diambil oleh Perdana Menteri dengan menggunakan laman sosial sebagai platform untuk mendengar luahan hati rakyat secara tidak langsung berupaya meningkatkan sokongan rakyat kepada BN. Trend rakyat yang menggunakan laman sosial sebagai ruang untuk menyampaikan berita dan meluahkan perasaan membuatkan mereka lebih cenderung melihat pemimpin yang aktif dan sentiasa memberi komen berunsur nasihat menyebabkan rakyat menyokong kredibiliti Perdana Menteri sebagai pemimpin sekaligus menyebabkan mereka merasakan BN layak mentadbir negara ini.

Di samping itu, faktor lain yang mempengaruhi sokongan ini adalah kejayaan tranformasi kerajaan dan bantuan yang diberikan oleh BN. Sokongan masyarakat Melayu khususnya terhadap BN didorong oleh kejayaan agenda transformasi Kerajaan selain kegagalan pihak pembangkang menunaikan janji. Penduduk mengakui pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) merupakan salah satu faktor yang menyebabkan mereka terus menyokong BN dan terdapat segelintir penyokong parti pembangkang telah beralih arah kepada BN.

Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Rakyat Menyokong Pakatan Rakyat (PR)

Jika dilihat kepada faktor yang menyebabkan rakyat menyokong Pakatan Rakyat (PR), faktor yang paling utama menurut responden yang ditemubual ialah janji yang ditawarkan (Lihat Jadual 2). Ketika kempen PRU 2013 yang lalu, para pemimpin dan juga blogger pro PR dengan giat dan aktifnya berkempen mengenai tawaran kepada rakyat sekiranya mereka diberi peluang untuk memerintah negara ini. Mereka berikrar akan melaksanakan janji pilihan raya tersebut jika diberi mandat oleh pengundi di negara ini sepertimana yang termaktub dalam manifesto bersama Pakatan Rakyat. Dengan menguasai Putrajaya, dasar-dasar yang melibatkan kuasa Persekutuan diyakini dapat dilaksanakan oleh pemimpin PR seperti pendidikan percuma dengan menghapuskan pinjaman pelajar iaitu PTPTN dan digantikan dengan biasiswa, penghapusan tol di lebuhraya, menurunkan harga petrol dan harga kereta seterusnya menghapuskan rasuah.

Jadual 2: Persepsi responden mengenai faktor-faktor yang menyebabkan rakyat menyokong Pakatan Rakyat (PR)

1.	Janji yang ditawarkan	73.9	5.	Kepimpinan Anwar	24.3
2.	Ingin mencuba pemerintahan baru	62.8	6.	Kerap turun padang	18.5
3.	Telus	27.3	7.	Tidak perkauman	9.0
4.	Adil	25.2	8.	Beragama	6.6

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Selain itu, responden juga berpendapat mereka ingin mencuba pemerintahan baru selain daripada BN. Setelah sejak sekian lama dibawah pemerintahan BN, maka sudah tiba masanya untuk mereka menukar selera atau beralih angin untuk mencuba stail atau gaya pemerintahan oleh parti dan pemimpin baru. Pemerintahan secara berkongsi kuasa cara BN namun dikuasai parti perkauman Melayu iaitu UMNO dilihat oleh sebahagian responden sebagai tidak sesuai lagi untuk diteruskan legasinya di negara ini. Maka dengan itu, mereka melihat gabungan parti dalam Pakatan Rakyat sebagai satu alternatif terbaik untuk diberi peluang untuk menjalankan pemerintahan 'bukan perkauman' yang juga dilihat oleh mereka sebagai bersih, adil dan telus.

Keyakinan pengundi etnik Cina juga menyebabkan banyak kerusi Parlimen dan DUN dikuasai parti-parti dalam Pakatan Rakyat. Majoriti pengundi Cina sangat yakin bahawa Pakatan Rakyat akan menang dalam PRU ke-13 kali ini. Mereka yakin dengan kepemimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim, Tuan Guru Nik Aziz dan Lim Kit Siang. Kesemua pemimpin tersebut dikatakan mendapat sokongan padu daripada pengundi Melayu di bawah parti masing-masing dan tidak pernah sebelum DAP mendapat kerjasama daripada PAS dan PKR (parti-parti politik Melayu). Hasilnya dalam PRU 2013, keyakinan terhadap sokongan pengundi Melayu kepada Anwar Ibrahim dan Nik Aziz menyebabkan yakinnya kesatuan bangsa Malaysia kepada pemimpin-pemimpin pembangkang tersebut telah meyakinkan keseluruhan pengundi Cina untuk menyokong DAP.

Faktor menyebabkan pengundi Cina tidak menyokong BN juga boleh dikaitkan dengan beberapa isu antaranya ialah kemarahan yang terpendam kaum Cina terhadap tanggapan sesetengah pemimpin ultra Melayu terhadap kaum Cina sebagai 'pendatang' dan warganegara kelas kedua, isu rasuah dan integriti yang gagal ditangani BN sebagai Kerajaan seperti isu PKFZ dan pembahagian tender projek secara rundingan terus, isu kematian Pembantu ADUN Sri Kembangan (Teoh Beng Hock) yang dikatakan tidak mendapat pengadilan yang sewajarnya daripada pihak polis dan mahkamah, isu ketelusan dalam perbelanjaan negara, isu kelas sosial yang dikaitkan dengan ketidakseimbangan pendapatan terutamanya di kawasan bandar, 'brain drain' yang memberi kesan kepada golongan cerdik pandai Cina, kemerosotan kepada kemahiran yang membawa kepada pendapatan yang rendah, ketidakadilan dalam projek pengagihan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang tidak kompetitif, isu pendidikan Cina yang tidak berdaya saing walaupun sekolah vernakular masih dikekalkan, ketidakpatuhan kontrak sosial 1957 dan kemunculan DAP sebagai penghubung politik yang baru kepada komuniti Cina.

Seterusnya, pengaruh media dan internet turut menjadi faktor rakyat menyokong kepimpinan PR. Pendedahan pelbagai maklumat di media sosial dan laman web menyebabkan rakyat lebih terbuka dan berupaya menilai setiap berita yang direncanakan. Pihak PR yang lebih aktif berbanding BN menggunakan saluran ini telah berusaha untuk mempengaruhi rakyat supaya menyokong perjuangan mereka. Keterdedahan maklumat yang terkini melalui internet dan kemudahan untuk berkomunikasi serta memberi maklum balas dengan cepat membuatkan rakyat lebih selesa dan terbuka memilih untuk mendapatkan berita dalam saluran ini. Hal ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi minda pembaca dan membuatkan mereka terus jatuh hati dan memilih untuk menyokong PR.

Sumber maklumat politik yang lebih pelbagai dan maklumat alternatif daripada internet di kawasan bandar memberi kelebihan kepada PR seterusnya merupakan faktor utama masyarakat bandar memilih PR. Hal ini kerana masyarakat di bandar lebih celik IT dan berfikiran terbuka di

samping ramai pengundi bukan Melayu (Cina) berbanding masyarakat di kawasan luar bandar yang hanya merujuk maklumat media arus perdana seperti media cetak (Utusan Malaysia dan Berita Harian) dan media elektronik (TV1, TV2 dan TV3). Sumber maklumat politik masyarakat bandar tidak terhad kepada sumber maklumat media cetak semata-mata namun turut juga merangkumi sumber dari media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *blog*, *email* dan sebagainya. Di bandar, kemudahan wifi percuma memudahkan masyarakat mengakses maklumat politik melalui hujung jari.

Pengundi muda juga lebih cenderung untuk melakukan perbincangan dan meluahkan pendapat mereka mengenai isu politik melalui media sosial. Justeru, pengundi muda lebih cenderung untuk memilih media sosial sebagai sumber alternatif mendapat maklumat politik berbanding menonton berita televisyen dan membaca akhbar bercetak yang menjadi sumber maklumat utama pengundi tua di saluran 1. Sumber politik melalui media sosial bertindak secara dua hala yang menyebabkan golongan muda lebih merasa selesa dan tidak terasa dikongkong. Oleh kerana kebanjiran maklumat yang cepat diakses menyebabkan pengundi muda lebih cenderung memilih calon PR.

Pada PRU ke-13 nmemperlihatkan wujudnya “tsunami bandar” apabila 12 buah kawasan bandar-bandar utama seluruh Malaysia ditawan oleh Pakatan Rakyat manakala hanya dua kawasan bandar yang berjaya ditawan oleh BN iaitu di Johor Bahru dan Kangar. Keadaan ini disebabkan oleh sumber maklumat politik dan isu semasa yang luas dan pelbagai di kawasan bandar serta ‘harapan demokrasi’ pengundi bandar yang ingin melihat satu pemerintahan yang adil, telus, tidak menyeleweng serta anti rasuah dan anti penyalahgunaan kuasa dan juga inginkan hak mereka untuk bersuara dan memberi pandangan terutamanya melalui media sosial yang lebih luas dan bebas.

Kesepakatan yang ditunjukkan oleh kepimpinan PR adalah begitu utuh sehingga sukar untuk digugat. Sekiranya timbul atau berlaku sesuatu isu, pihak PR telah mengambil tindakan yang sewajarnya supaya tidak timbul sebarang spekulasi yang boleh menjatuhkan imej dan prestasi kepimpinan PR. Hal ini telah mendorong rakyat untuk mengikuti dan memperjuangkan semangat PR.

Faktor berikutnya yang menyebabkan rakyat menyokong PR adalah kerana keupayaan parti berkenaan menjaga kebajikan rakyat tanpa mengira bangsa atau agama. Keistimewaan Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang kaum telah digunakan oleh pihak PR untuk meraih sokongan kesemua kaum untuk sama-sama menyokong perjuangan mereka yang merancang untuk mengurangkan kos sara hidup yang semakin meningkat dengan kenaikan harga barangan melalui tawaran janji yang istimewa. Pemberian beberapa perkara yang percuma dan penurunan harga barangan secara berperingkat menunjukkan usaha mereka untuk menjaga kebajikan rakyat. Selaras dengan keadaan ekonomi yang tidak stabil menyebabkan rakyat mahu memilih dan menyokong parti yang menjaga kebajikan dan memudahkan mereka untuk bekerja. Hal ini adalah penting terutama bagi golongan yang kurang berkemampuan. Oleh itu, penawaran menjaga kebajikan rakyat telah mempengaruhi pola penerimaan rakyat terhadap PR.

Pendapat Umum Responden Mengenai Dasar-Dasar Kerajaan

Pendapat umum ditakrifkan sebagai perspektif awam atau pandangan umum tentang isu atau polisi yang akan dipertimbangkan oleh pegawai atau yang diambil kira dalam membuat sesuatu keputusan. Pendapat umum atau awam dinyatakan melalui beberapa cara, contohnya dalam penulisan kepada editor atau pegawai awam, mesyuarat, demonstrasi awam, rencana pengarang, keputusan pilihan raya, pertemuan dengan ahli Majlis, pungutan suara rakyat dan rancangan di media massa. Mohd Hamdan (1995) mendefinisikan pendapat awam sebagai pendapat persendirian yang pihak kerajaan memberikan perhatian dengan berhati-hati. Oleh itu pendapat umum adalah pendapat yang dirujuk mengenai hal-hal awam dan kepentingan awam serta dipegang oleh masyarakat umum.

Jadual 3: Pendapat umum responden mengenai dasar-dasar kerajaan (peratus)

Bil.	Dasar kerajaan	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Langkah Kerajaan Persekutuan (BN) memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik seperti PPR, PR1MA, Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) merupakan program yang bermanfaat dan dapat membantu rakyat memiliki rumah sendiri.	84.4	8.7	6.9
2.	Kerajaan pusat prihatin terhadap kebajikan pelajar sekolah, kolej dan universiti (yuran sekolah percuma, wang RM100 dan baucer buku).	81.9	5.1	12.9
3.	Pembanterasannya kongsi gelap melalui Ops Cantas adalah perlu untuk kesejahteraan masyarakat.	78.3	3.2	18.5
4.	BR1M dan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) berjaya membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah dan pertengahan.	74.5	16.7	8.9
5.	Penguatkuasaan pengesanan kesalahan lalu lintas secara kamera automatik iaitu Automated Enforcement System (AES) dapat mengurangkan kemalangan jalan raya.	64.9	10.4	24.7
6.	Pengharaman amalan ajaran Syiah di negara ini oleh Kerajaan adalah wajar.	60.3	1.3	38.4
7.	Kerajaan berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam.	59.9	18.2	21.9
8.	Belanjawan 2014 memberi banyak manfaat kepada rakyat.	56.4	16.7	26.8
9.	Kenaikan harga tambang pengangkutan awam seperti LRT perlu ditangguhkan utk kepentingan rakyat.	55.6	19.1	25.4
10.	Polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat.	54.1	22.8	23.1
11.	"1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong dan dihayati oleh pengundi.	51.9	33.5	14.6
12.	Penghuni perumahan PPR akan terus menyokong BN kerana jasa Kerajaan Persekutuan (BN) menyediakan rumah PPR untuk mereka.	51.4	33.1	15.4
13.	Pengundi menyokong Kerajaan kerana peluang pekerjaan banyak diwujudkan dan menolong golongan miskin di bandar dan luar bandar.	50.1	19.1	30.8
14.	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan	50.0	18.8	31.2

	tugasnya dengan baik dan berkecuali.			
15.	SPRM telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali.	49.3	18.1	32.6
16.	Isu pemansuhan PTPTN menguntungkan Pakatan Rakyat untuk mendapat sokongan pengundi.	49.1	24.5	26.4
17.	Hubungan antara kaum dan agama semakin baik dengan pelaksanaan gagasan 1Malaysia.	49.0	23.9	27.1
18.	Kenaikan tarif elektrik akan membebankan rakyat.	40.9	22.5	36.6
19.	Kenaikan harga minyak petrol melalui pengurangan subsidi yang ditanggung Kerajaan adalah perlu dan pada akhirnya akan dikembalikan semula kepada rakyat melalui pembangunan infrastruktur serta bantuan BR1M.	36.9	32.4	30.8
20.	Cukai barangan dan perkhidmatan/GST adalah penting untuk menjana pembangunan negara.	32.7	32.4	34.9
21.	Kenaikan kadar cukai pintu rumah kediaman boleh diterima rakyat.	32.3	37.9	29.8
22.	Abu mayat bekas pemimpin PKM (Chin Peng) dibenarkan dibawa pulang ke Malaysia.	9.6	45.8	44.5
23.	Kenaikan harga minyak/petrol RM 0.20 adalah munasabah serta bermanfaat untuk rakyat.	5.9	88.7	5.4

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Persepsi responden mengenai isu politik semasa dapat ditunjukkan pada Jadual 3. majoriti responden bersetuju dengan pelaksanaan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) dan Program Rumah Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) yang berjaya membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah dan pertengahan. Isu kos hidup yang meningkat menyebabkan rakyat menyenangi kesemua langkah yang telah diambil dalam melaksanakan agenda membanteras kemiskinan dalam kalangan masyarakat selain memberi hak sama rata kepada semua kaum di samping menaik taraf semua keperluan yang lain.

Pernyataan bersetuju dengan transformasi dan pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara (54.1 peratus). Responden berpuas hati dengan penerajuan Perdana Menteri dalam pelbagai program pembangunan yang terus berjalan di samping pengenalan model politik baru yang berteraskan kesederhanaan. Rakyat boleh mengemukakan pelbagai idea, pandangan dan maklum balas dengan pelbagai cara sama ada melalui media sosial, menghantar memorandum dan sebagainya. Inisiatif akan diambil hasil daripada maklum balas ini bagi menyelesaikan isu dan masalah rakyat yang dibangkitkan. Rakyat juga bersetuju dengan keprihatinan Kerajaan Pusat terhadap kebajikan pelajar sekolah, kolej dan universiti. Pelaksanaan yuran sekolah percuma selain pemberian baucer buku dan wang RM100 dapat membantu golongan muda yang meneruskan pengajian.

Di samping itu, 51.9 peratus penduduk bersetuju pelaksanaan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong dihayati dan dimanifestasi oleh rakyat. Slogan ini bertujuan membina sebuah negara yang dapat dikongsi bersama dengan masyarakat berbilang kaum tanpa membelakangi perlembagaan dan hak-hak bumiputera. Pengenalan Gagasan 1 Malaysia juga berjaya mengubah pandangan rakyat akan peri pentingnya masyarakat pelbagai kaum. Sebanyak 49.0 peratus bersetuju hubungan antara kaum semakin baik dengan pelaksanaan gagasan 1 Malaysia ini. Konsep 1 Malaysia ini menekankan toleransi dan penerimaan keunikan setiap kaum

yang ada, serta memahami dan juga menghormati antara satu sama lain agar dapat hidup bersama dengan baik dalam sebuah negara.

Responden juga bersetuju dengan tindakan kerajaan untuk mengekang ajaran syiah dan kegiatan kongsi gelap kerana aktiviti-aktiviti tersebut boleh mengancam ketenteraman dan keharmonian rakyat yang selama ini telah mengecap kebahagiaan hidup tanpa pergolakan dan pertumpahan darah yang boleh menjejaskan aktiviti harian rakyat di negara ini. Namun apabila ditanya mengenai isu-isu ekonomi seperti kenaikan harga petrol, kenaikan cukai pintu dan kenaikan harga tambang kenderaan awam, responden didapati tidak bersetuju dengan perkara-perkara tersebut dan berharap kerajaan menanggukkan kenaikan-kenaikan tersebut agar kehidupan rakyat tidak terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi melainkan kenaikan tiga perkara penting di kawasan bandar tersebut seiring dengan kenaikan kadar upah atau gaji sama ada untuk kakitangan kerajaan mahupun swasta.

Persepsi Responden Mengenai Isu-Isu Politik

Kotler (2000) menjelaskan persepsi sebagai proses bagaimana seseorang memilih, mengatur dan menginterpretasikan input informasi untuk menghasilkan gambaran keseluruhan yang bermakna. Mangkunegara (dalam Arindita 2002) berpendapat bahawa persepsi adalah suatu proses pemberian erti atau makna terhadap persekitaran. Dalam hal ini persepsi mencakupi penafsiran objek, penerimaan stimulus (Input), pengorganisasian stimulus, dan penafsiran terhadap stimulus yang telah diorganisasikan dengan cara mempengaruhi perilaku dan pembentukan sikap. Robbins (2003) pula mendeskripsikan persepsi dalam kaitannya dengan persekitaran, iaitu sebagai proses di mana individu-individu mengorganisasikan dan mentafsirkan kesan panca indera mereka agar memberi makna kepada persekitaran mereka. Walgito (1993) mengemukakan tesis bahawa persepsi seseorang merupakan proses aktif yang memegang peranan, bukan hanya input yang mengenainya tetapi juga individu sebagai satu kesatuan dengan pengalaman-pengalamannya, motivasi serta sikapnya yang relevan dalam menjelaskan input.

Persepsi secara umumnya adalah pandangan seseorang terhadap sesuatu yang akan membuat respon bagaimana dan dengan apa seseorang akan bertindak. Leavitt (dalam Rosyadi 2001) membezakan persepsi menjadi dua pandangan, iaitu pandangan secara khusus dan umum. Pandangan yang umum mengertikan persepsi sebagai penglihatan, bagaimana seseorang melihat sesuatu, sedangkan pandangan yang khusus mengertikannya sebagaimana seseorang memandangi atau mengertikan sesuatu. Oleh itu, persepsi bermaksud analisis mengenai cara mengintegrasikan penerapan kita terhadap hal-hal di sekeliling individu dengan kesan-kesan atau konsep yang sudah ada dan selanjutnya mengenali perkara tersebut. Justeru, persepsi manusia terhadap sesuatu isu terutamanya isu populis yang digembar-gemburkan oleh sama ada media cetak, media elektronik mahupun media alternatif seperti internet adalah berbeza-beza sama ada berlandaskan akal ataupun emosi. Dengan itu, muncullah istilah 'pengurusan persepsi' yang digunakan oleh media, ahli politik dan juga pentadbir dalam kerajaan untuk memastikan rakyat atau orang faham terhadap punca, intipati dan juga impak sesuatu isu kepada persekitaran fizikal dan sosial mereka.

Jadual 4: Persepsi responden mengenai isu-isu politik

Bil.	Isu politik	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Informasi dari Internet mempengaruhi kecenderungan politik pengundi.	85.4	1.0	13.6
2.	Kepimpinan BN yang rasuah dan korup menyebabkan pengundi tidak menyokong Kerajaan Pusat.	69.4	15.3	15.2
3.	Kalimah 'Allah' adalah milik mutlak agama Islam dan umat Islam perlu menyokong kenyataan	55.7	0.6	43.8

	tersebut tanpa mengira perbezaan fahaman politik dan etnik.			
4.	Imej Dato' Sri Mohd Najib yang baik dan sederhana diterima dan disenangi rakyat.	53.6	23.1	23.3
5.	Kepimpinan Ahli Parlimen saya sekarang perlu dikekalkan kerana telah menunjukkan prestasi yang amat baik.	49.6	18.1	32.3
6.	BN dapat membentuk kerajaan yang stabil.	48.7	25.5	25.7
7.	Pergeseran dalaman parti-parti dalam Pakatan Rakyat menjejaskan keyakinan dan sokongan pengundi kepada mereka.	46.9	9.8	43.3
8.	Isu Hudud akan menyebabkan Pakatan Rakyat terus kehilangan sokongan pengundi.	39.9	11.8	48.3
9.	Sistem pemilihan 'Electoral College' dalam pemilihan UMNO 2013 yang menggalakkan lebih ramai ahli UMNO untuk memilih pemimpin pilihan mereka adalah baik dan wajar diikuti semua parti politik.	27.0	9.3	63.7
10.	Isu debat Bawani vs Sharifah Zohra di UUM menjejaskan sokongan mahasiswa kepada BN.	24.8	15.9	59.3

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Bagi soalan-soalan mengenai isu-isu semasa dan isu politik pula, responden dilihat lebih bersikap 'tidak pasti' terutamanya mengenai urusan parti politik dan isu-isu yang rumit dan terpencil seperti bagi soalan 8, 9 dan 10 (Lihat Jadual 4). Bagi mereka terutamanya golongan atas pagar, mereka tidak ambil kisah dengan isu-isu tersebut dan menyerahkan kepada pihak yang berkenaan atau yang terlibat untuk menyelesaikan isu tersebut. Bagi mereka, isu tersebut tidak menjejaskan kehidupan mereka dan hanya melibatkan ahli-ahli politik sahaja.

Tahap prestasi pengurusan pentadbiran/pemerintahan

Menurut Fiedler (1967), gaya kepimpinan ialah struktur keperluan yang memotivasikan tingkah lakunya dalam pelbagai situasi kepimpinan. Aion (2005), menyatakan perbezaan gaya kepimpinan mempunyai kesan penting ke atas produktiviti individu yang mereka pimpin. Oleh itu, pengetahuan tentang gaya kepimpinan membolehkan seseorang pemimpin untuk lebih yakin dan berkemahiran sebagai pengurus, pentadbir dan pemimpin. Penilaian prestasi yang sistematik perlu dilakukan ke atas seseorang individu berkaitan prestasi pekerjaan dan potensinya untuk membuat sesuatu.

Jadual 5: Tahap prestasi pengurusan pentadbiran/pemerintahan

Bil.	Pengurusan pentadbiran/ Pemerintahan	Baik	Sederhana	Lemah
1.	Nasional/Negara	57.2	28.1	14.8
2.	Parlimen	41.6	48.0	10.4
3.	DBKL	54.7	45.1	0.2

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Berdasarkan Rajah 5, tahap prestasi kepimpinan nasional/negara menunjukkan prestasi yang tertinggi dengan 57.2 peratus. Seseorang pemimpin tidak akan berjaya tanpa sokongan para pengikutnya kerana peranan pengikut yang setia sangat penting. Oleh itu, pemimpin yang baik harus menyalurkan inspirasi kepimpinan kepada para pengikut agar turut dijiwai dan diterjemahkan oleh orang bawahan. Pemimpin juga perlu mengamalkan sikap keterbukaan terhadap cetusan idea atau gagasan baru. Hal ini jelas menunjukkan, kedua-dua *level* pemimpin ini telah berjaya menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan oleh rakyat.

Prestasi Perkhidmatan DBKL di Kawasan Responden

Bagi prestasi perkhidmatan DBKL di kawasan responden, kesemua aspek perkhidmatan yang melibatkan pihak DBKL mengikut pandangan responden adalah memuaskan (Lihat Jadual 6). DBKL telah sedaya upaya berkhidmat untuk menguruskan dan menguatkuasakan perkara-perkara yang berkaitan dengan penduduk di Kuala Lumpur mengikut *standard operation procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. DBKL juga memberi peluang kepada warga Kuala Lumpur untuk menyuarakan pandangan mengenai sesuatu perkara sepertimana isu kenaikan cukai pintu baru-baru ini. Beberapa sesi penerangan dan dialog antara pihak DBKL dengan penduduk di sekitar Kuala Lumpur telah diadakan baru-baru ini dan kata putus mengenai isu kenaikan cukai pintu akan diputuskan sedikit masa lagi.

Jadual 6: Prestasi perkhidmatan DBKL di kawasan responden


Bil.	Aspek	Memuaskan	Tidak memuaskan	Tidak pasti
1.	Governans (perkhidmatan kaunter)	87.5	5.3	7.2
2.	Pengangkutan (kenderaan dan lesen)	79.2	7.7	13.1
3.	Keselamatan (kawalan dan kesihatan)	76.5	15.0	8.5
4.	Pelancongan (lanskap, tanda arah dan informasi)	73.1	12.7	14.2
5.	Perumahan (tapak, rumah dan pinjaman)	66.7	18.1	15.2
6.	Kebajikan masyarakat (bantuan kewangan dan alatan)	66.4	18.4	15.2
7.	Bekalan air (bayaran bil dan perpaipan)	65.3	14.4	20.3
8.	Perindustrian (tapak dan lesen)	62.0	15.1	22.9
9.	Pembangunan dan penyelenggaraan (infrastruktur dan kemudahan awam)	61.1	35.1	3.8

10.	Alam sekitar (kebersihan dan keceriaan)	54.2	41.1	4.8
-----	---	------	------	-----

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Tahap Kenal Dengan Wakil Rakyat (Parlimen) di Kawasan Responden

Responden juga ditanya mengenai pengetahuan terhadap wakil rakyat (ahli Parlimen) di kawasan mereka. Majoriti responden kenal ahli Parlimen di kawasan masing-masing (89.9 peratus) (Lihat Rajah 2). Responden kenal dengan wakil rakyat masing-masing kerana mereka telah didedahkan dengan calon yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum (PRU) yang baru sahaja berlangsung pada Mei tahun 2013. Calon yang menang dipilih sebagai wakil mereka dan mereka mengetahuinya melalui media sama ada media cetak, elektronik mahupun internet. Bagi responden yang merupakan ahli atau penyokong parti politik semenangnya mengetahui wakil rakyat di kawasan mereka melalui pendedahan dalam aktiviti parti politik masing-masing. Responden juga mengetahui ahli Parlimen kawasan mereka melalui aktiviti kemasyarakatan yang diadakan di kawasan masing-masing melalui aktiviti ramah mesra dan ceramah atau ucapan wakil rakyat yang bertandang di kawasan mereka.




Rajah 2: Peratusan responden yang kenal dan tidak kenal dengan wakil rakyat (Parlimen) di kawasan mereka

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Kekerapan Wakil Rakyat (Ahli Parlimen) Datang ke Kawasan Responde

Apabila ditanya mengenai kekerapan wakil rakyat (Ahli Parlimen) datang ke kawasan responden, 58.50 peratus menyatakan kekerapan 'kadang-kadang' (Lihat Rajah 3). Persepsi responden terhadap kekerapan tersebut adalah berdasarkan pemerhatian responden serta penyertaan mereka dalam aktiviti kemasyarakatan dan juga 'walkabout' Ahli Parlimen berkenaan di kawasan mereka. Oleh itu jika responden tidak mengambil tahu langsung serta hanya membuat hal sendiri sahaja tanpa mengambil peduli atau menyertai program yang dianjurkan pegawai kepada Ahli Parlimen tersebut maka mereka menganggap wakil rakyat tersebut 'tidak pernah datang' ke kawasan mereka. Kebiasaannya kedatangan wakil rakyat dimaklumkan melalui notis yang ditampal pada papan kenyataan dan tempat-tempat yang sesuai ataupun pada *banner* dan *bunting* yang digantung di kawasan yang mudah dilihat. Bagi yang menyatakan wakil rakyat 'selalu' datang ke tempat mereka adalah responden yang prihatin ataupun merupakan penyokong kepada wakil rakyat tersebut. Namun bagi wakil rakyat yang tidak datang mungkin mereka sibuk dengan aktiviti parti, aktiviti di luar kawasan sama ada dalam negara mahupun luar negara dan juga menghadiri persidangan Parlimen. Jika wakil rakyat tidak dapat hadir dalam program yang dirancang maka wakil atau pegawai khas akan mengambil peranan sebagai pengganti kepada wakil rakyat tersebut.



Rajah 3: Kekerapan Wakil Rakyat (Ahli Parlimen) datang ke kawasan responden

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Prestasi Program Pembangunan Yang Dilakukan Oleh Ahli Parlimen Kawasan Responden

Responden turut ditanyakan mengenai prestasi program pembangunan yang dilakukan oleh Ahli Parlimen kawasan masing-masing. Majoriti responden menyatakan prestasi ahli parlimen dalam program pembangunan di kawasan masing-masing adalah antara baik dan sederhana (Lihat Jadual 7). Wakil rakyat telah berusaha memenuhi undangan daripada pengundi di kawasan masing-masing dalam majlis perkahwinan, perayaan, perasmian sesuatu program ataupun bangunan/infrastruktur, penyampaian bantuan kebajikan dan juga tahlil kematian dan sebagainya. Wakil-wakil rakyat ini juga dalam ucapan mereka telah menyampaikan dasar parti masing-masing dalam usaha mengukuhkan sokongan pengundi kepada parti masing-masing. Namun dalam soal pembangunan yang berskala besar sama ada pembangunan fizikal mahupun pembangunan material, mereka wakil-wakil rakyat ini hanya mampu menyuarakan harapan atau desakan rakyat jadi terpulang kepada budi bicara pihak yang berkuasa sama ada untuk merealisasikan harapan tersebut atau sebaliknya, bergantung kepada keperluan, kajian susulan dan juga peruntukan kewangan yang ada.

Jadual 7: Penilaian responden terhadap prestasi program pembangunan yang dilakukan oleh Ahli Parlimen kawasan masing-masing (peratus)

Bil.	Program pembangunan	Baik	Sederhana	Lemah
1.	Bantuan Kebajikan (kemiskinan)	53.6	34.5	11.9
2.	Perpaduan rakyat	48.0	34.4	17.6
3.	Pembangunan moral dan sahsiah (agama)	47.1	37.3	15.6
4.	Keselamatan sosial	44.9	37.1	18.0
5.	Pendidikan	44.0	35.1	21.0
6.	Peluang perniagaan	37.0	43.7	19.3
7.	Peluang pekerjaan	36.3	44.4	19.3
8.	Pembangunan infrastruktur	35.5	45.3	19.3

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013


Ciri Yang Mempengaruhi Responden Bagi Memilih Calon Untuk Diundi

Konsep tingkahlaku seseorang sebagai pengundi boleh berubah mengikut pandangan dan fikiran terhadap beberapa perkara. Pembentukan tingkahlaku pengundi adalah bermula daripada perbuatan atau pandangan terhadap sesuatu pendapat. Menurut Johnston (1979) menyatakan berlakunya interaksi pengundi dengan persekitaran yang boleh mempengaruhi tingkahlaku

pengundi. Keadaan ini selari dengan andaian daripada ahli-ahli geografi yang menyatakan tingkah laku pengundi adalah berdasarkan kepada minat mereka yang mempunyai hubungan dengan taraf sosioekonomi yang merupakan sebahagian daripada persekitaran. Ini adalah kerana pengundi dan persekitaran adalah saling mempengaruhi dan mempunyai perkaitan kuat antara satu sama lain. Setiap individu atau pengundi itu adalah bebas sama ada untuk mengundi atau tidak mengundi semasa pilihan raya. Keputusan mereka sama ada untuk membuang undi atau tidak dipengaruhi oleh calon atau parti yang bertanding, media massa, kempen-kempen, isu-isu tempatan dan sebagainya. Selain itu, pengaruh persekitaran seperti faktor keluarga, jiran, rakan-rakan dan persekitaran sosial seseorang juga turut mempengaruhi.

Menurut Ribicoff dan Newman (1973) menyatakan bahawa kadang-kadang sekumpulan pengundi pada satu-satu masa akan mengubah kesetiaan mereka terhadap parti disebabkan oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku atau tindakan-tindakan pemimpin parti. Keadaan seperti ini telah berlaku di Malaysia, apabila tindakan pemimpin negara memecat Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri. Hasil dan kesan daripada tindakan itu menyebabkan ahli BN telah berpecah dan seterusnya mengubah kesetiaan mereka terhadap BN dengan menubuhkan Parti KeAdilan Nasional/PKN (kini PKR) sebagai wadah perjuangan mereka yang baru.

Dalam konteks tingkahlaku mengundi pada masa kini, elemen ruang dan masa sudah mempengaruhi keputusan pengundi untuk memilih calon apabila golongan minoriti dipengaruhi majoriti di sekelilingnya terutama golongan muda. Golongan muda ini mahukan kehidupan yang lebih madani dan sejahtera dengan memberi tumpuan kepada keselesaan perkhidmatan, pekerjaan yang baik, kemudahan awam, tempat tinggal dan juga harga barangan yang berpatutan. Secara keseluruhannya, keadaan politik negara menunjukkan satu transformasi. Rakyat semakin sedar akan hak mereka sendiri (Rosmadi, 2013).



Rajah 4: Ciri yang mempengaruhi responden bagi memilih calon untuk diundi

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Golongan pengundi adalah merupakan salah satu komponen yang penting dalam pilihan raya. Memahami perlakuan, tingkah laku dan corak pengundian oleh pengundi akan membantu pihak- pihak yang bertanding memenangi sesuatu pilihan raya. Pelbagai faktor yang dikaitkan bagaimana corak pengundian ini berlaku seperti faktor geografi, sosiologi, psikologi, etnik, kelas dan sebagainya. Kajian mengenai tingkah laku pengundian ialah bidang yang cukup popular di Barat. Beberapa sarjana di Barat telah mencadangkan beberapa model tingkah laku pengundian bagi menggambarkan interaksi pengundi terhadap pilihan raya di sana. Model-model tersebut adalah model Michigan, model Columbia dan model Downs. Model Michigan mencadangkan terdapat pengaruh identifikasi parti dalam tingkah laku pengundian, model Columbia mencadangkan terdapat pengaruh sosiologi seperti latar belakang keluarga, latar belakang pendidikan, taraf sosio-ekonomi dan lokaliti tempat tinggal dalam tingkah laku pengundian manakala model Downs pula mencadangkan pengundi melakukan pengundian berdasarkan pilihan rasional iaitu memilih calon dan parti berdasarkan keuntungan dan faedah yang bakal mereka perolehi. Dalam kajian ini, 63.0 peratus responden memilih parti sebagai faktor untuk menentukan undi mereka dalam setiap pilihan raya (Lihat Rajah 4). Ini selaras dengan teori identifikasi parti dalam model Michigan.

Teori Identifikasi Parti paling popular dalam mentafsir tingkah laku mengundi pada tahun 1950-an dan 1960-an. Di kebanyakan negara demokrasi liberal, kestabilan dan perubahan yang menjadi ciri tingkah laku pengundi dan pelbagai tinjauan telah menunjukkan tahap ketaatan yang tinggi kepada parti politik yang tertentu. Identifikasi lahir daripada perlakuan sebenar pengundi dan ia stabil jika tiada tekanan jangka pendek atau isu-isu besar. Walaupun demikian, pada tahun 1980-an jelas menunjukkan bahawa tingkah laku pengundi yang berasaskan ketaatan kepada parti politik bukan merupakan penjelasan yang meyakinkan. Ahli sains politik kini memperkatakan penyisihan partisan, iaitu ketaatan ataupun pertalian yang erat kepada parti tertentu sudah merosot.

Teori ini menghuraikan hubungan taat setia yang berterusan terhadap sesebuah parti sehingga pengundi mengidentifikasikan dirinya dengan parti berkenaan walaupun ia mungkin tidak pernah menjadi ahli parti yang disokong itu. Sikap mengsosialisasikan diri dengan sesebuah parti ini terbina oleh beberapa faktor, antaranya adalah peranan yang dimainkan oleh keluarga dan persekitaran sosial seseorang. Unsur imej dan rasa lebih hampir dengan sesebuah parti politik akan membentuk sikap identifikasi parti dan seterusnya mempengaruhi corak perlakuan pengundi.


Ketaatan politik terhadap sesebuah parti banyak ditentukan oleh persekitaran seseorang itu dibesarkan dan dididik. Proses pendidikan ini akan mengakibatkan terbinanya imej-imej tertentu dalam minda seseorang individu dan imej-imej ini akan dikaitkan dengan institusi dan parti-parti politik tertentu. Dalam konteks ini, imej sesebuah parti lebih mempengaruhi sikap terhadap parti dan penentuan pilihan mengundi berbanding dengan dasar yang dibawa oleh parti berkenaan. Identifikasi parti dan fenomena ketaatan terhadap sesebuah parti politik bermula sejak zaman kanak-kanak dan seterusnya kekal hingga sepanjang hayat. Tingkah laku mengundi seseorang akan didorong oleh pengaruh jangka pendek dan jangka panjang. Dalam jangka pendek, perlakuan mengundi akan ditentukan oleh isu dan daya tarikan calon. Apabila kedua-dua unsur ini dicantumkan dengan identifikasi parti, maka pilihan pengundi akan menjadi semakin mudah dilihat kecenderungannya. Namun dalam jangka panjang, corak pengundian akan ditentukan oleh identifikasi parti, agama, kaum dan kelas masyarakat. Kebanyakan pengundi merasakan kemestian untuk mengundi parti yang diwarisi dari keluarga mereka. Perasaan ini tetap kekal sepanjang hayat

mereka tanpa mengira kepimpinan parti. Walau bagaimanapun sebilangan pengundi yang bertukar indentifikasinya adalah disebabkan kurangnya pengaruh keluarga, perbezaan dengan kumpulan terdekat, kelas sosial, ekonomi dan politik.

Justeru, teori identifikasi parti adalah masih dominan berbanding model pengundian lain di kawasan kajian dan juga di Malaysia. Pengundi lebih memilih parti berbanding faktor calon dan faktor isu. Faktor calon yang seetnik juga bukan merupakan faktor utama pemilihan dalam pengundian. Pengundi secara umumnya telah mengidentifikasi dengan parti-parti tertentu. Namun begitu didapati juga jumlah pengundi yang tidak mengikat dengan mana-mana parti dan cenderung kepada model pilihan rasional dan model retrospektif juga semakin membesar dan menjadi faktor penentu di kawasan-kawasan pilihan raya tertentu.

Kerajaan yang Diyakini Dapat Menyelesaikan Isu Sosial, Ekonomi dan Politik di Kawasan Responden

Responden turut ditanya mengenai kerajaan pimpinan parti mana yang mereka yakin dapat menyelesaikan isu sosial, ekonomi dan politik di kawasan mereka. Dapatan kajian menunjukkan BN mendapat sokongan melebihi PR iaitu 69.1 peratus berbanding 30.9 peratus (Lihat Rajah 5). BN diyakini dapat menyelesaikan masalah mereka kerana pengalaman memerintah negara ini sejak pilihan raya pertama hinggalah sekarang. Banyak bentuk pembangunan telah dikecapi sama pembangunan fizikal dan juga pembangunan spiritual sejak Perdana Menteri Pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj hinggalah Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak dengan pelbagai dasar pembangunan negara telah diperkenal dan dilaksanakan sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang. Di bawah pemerintahan BN juga negara ini telah membina jaringan serantau sama ada dalam bidang ekonomi, sosial mahupun politik yang luas sama ada dengan negara-negara kecil dan mundur hinggalah negara maju seperti Amerika Syarikat, Great Britain, Perancis dan lain-lain. Justeru, pengalaman dalam pemerintahan tersebut dijadikan hujah oleh responden untuk terus mempercayai BN bagi memerintah negara ini. Pihak Pakatan Rakyat tidak mempunyai pengalaman memerintah negara, hanya dalam masa beberapa penggal mentadbir negeri Kelantan, Terengganu, Selangor, Kedah dan Perak yang mempunyai kuasa yang terhad di peringkat negeri sahaja. Justeru, majoriti responden tidak ingin mengambil risiko untuk menukar pemerintah yang sedia ada, memadai dan selesa dengan BN sahaja untuk meneruskan kesinambungan pemerintahan berdasarkan politik konsosiasional iaitu politik permuafakatan dalam kaum-kaum yang multietnik di negara ini iaitu politik BN.



Rajah 5: Persepsi responden terhadap pernyataan 'Kerajaan pimpinan Parti mana yang anda yakin dapat menyelesaikan isu sosial, ekonomi dan politik di kawasan anda'

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Penilaian Responden Terhadap Tokoh-Tokoh Politik Negara

Apabila ditanya mengenai ketokohan pemimpin utama nasional, majoriti (64.1 peratus) menyatakan Tan Sri Dato' Muhyiddin Hj. Mohammad Yassin adalah pemimpin politik nasional yang paling popular (Lihat Jadual 5). Ini diikuti Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak (57.3 peratus) dan Dato' Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin (53.7 peratus). Tan Sri Dato' Muhyiddin dilihat paling popular kerana secara kebetulannya beliau adalah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan/Kuala Lumpur. Ini membolehkan beliau dikenali ramai terutamanya ahli-ahli UMNO di Kuala Lumpur. Selain itu, ketegasan beliau dalam menangani dan memberi pandangan terhadap isu-isu utama negara terutamanya isu perkauman, agama dan ekonomi. Pengalaman beliau dalam kerajaan bermula sebagai Menteri Besar Johor, seterusnya Menteri Belia dan Sukan, Menteri Pelajaran, Menteri Pertanian hinggalah pada tahap sekarang iaitu Timbalan Perdana Menteri menjadi bualan dan ingatan rakyat melalui beberapa pengenalan dasar-dasar utama dan program negara seperti Rakan Muda, Pertanian itu Perniagaan dan lain-lain telah melonjakkan nama beliau sebagai antara ahli politik terkenal dan tersohor di negara ini terutamanya dalam kalangan penjawat awam, penggiat sukan dan juga usahawan tani negara.

Jadual 5: Berikan penilaian responden terhadap tokoh-tokoh politik negara (peratus)

Bil.	Tokoh politik/pemimpin parti	Berkaliber	Tidak berkhaliber	Tidak pasti
1.	Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak	57.3	36.1	6.5
2.	Tan Sri Dato' Muhyiddin Hj. Mohammad Yassin	64.1	29.5	6.5

3.	Dato' Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin	53.7	21.3	25.0
4.	Dato' Seri Anwar Ibrahim	37.1	44.8	18.1
5.	Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail	31.9	45.1	23.0
6.	Azmin Ali	31.5	42.3	26.2
7.	Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat	34.1	32.3	33.6
8.	Dato' Seri Hj. Abdul Hadi Awang	28.7	32.3	39.0
9.	Mohamad Sabu	20.2	39.7	40.1
10.	Lim Kit Siang	21.9	41.0	37.1
11.	Lim Guan Eng	21.9	41.0	37.1
12.	Karpal Singh	19.8	41.2	39.0

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013


Ketokohan pemimpin parti-parti pembangkang adalah di bawah 40 peratus. Ini kerana kebanyakan responden dalam PPR ini adalah penyokong setia BN yang terhutang budi dengan jasa BN mengurniakan unit perumahan kepada mereka. Namun terdapat segelintir responden yang mengakui ketokohan pemimpin-pemimpin parti pembangkang ini yang merupakan sama ada penyokong setia parti tersebut ataupun golongan atas pagar yang bersimpati dengan pemimpin dan perjuangan parti-parti politik ini (Abdul Ghafar, 2013).

Pihak yang Menjadi Pilihan Responden pada PRU 2013

Milbrath (1965) berpendapat bahawa terdapat 3 jenis kategori penglibatan dalam politik iaitu *apathetics* iaitu mereka yang tidak terlibat dalam politik ataupun telah menarik diri daripada proses politik; *spectators* iaitu kumpulan yang terlibat dalam politik dengan kadar yang minimum dan *gladiators* iaitu kumpulan yang betul-betul terlibat dengan aktif dalam politik. March pula berpendapat bahawa, individu yang mengambil bahagian dalam proses politik mempunyai 5 kategori iaitu *inactives* iaitu sama ada tidak hirau atau setakat mengikuti perkembangan politik melalui media; *conformists* iaitu membincangkan isu-isu politik tetapi tidak mengambil tindakan untuk cuba mempengaruhi proses politik; *reformists* iaitu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti politik konvensional yang sah seperti memulau; *activists* iaitu melibatkan diri dalam aktiviti politik konvensional dan tidak konvensional yang sah dan tidak sah seperti menyekat lalu lintas jalanraya dan *protesters* iaitu lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tidak konvensional sama ada sah atau tidak.

Budaya politik adalah perihal sikap, nilai, orientasi, pendapat, tanggapan dan perasaan terhadap politik. Bagi perseorangan, budaya politik berfungsi sebagai panduan pengawalan terhadap tindakan politik yang efektif; manakala bagi kumpulan bersama atau kolektiviti pula, ia berfungsi untuk membekalkan suatu struktur nilai dan pertimbangan rasional yang sistematik bagi menentukan keberkesanan tindakan yang dilakukan oleh institusi dan organisasi politik. Budaya politik melibatkan perasaan subjektif seseorang atau sesuatu kumpulan terhadap penerimaan atau penolakan sesuatu identiti komuniti dan kepatuhan terhadap pemimpin. Mengikut Almond dan Powell (1984), budaya politik melibatkan 3 komponen berikut iaitu orientasi kognitif iaitu

pengetahuan ke atas objek dan pegangan politik; orientasi afektif iaitu perasaan penerimaan dan penolakan terhadap objek politik dan orientasi evaluatif iaitu penilaian dan pendapat terhadap objek politik yang biasanya melibatkan penggunaan standard nilai.



Rajah 6: Pihak yang menjadi pilihan responden pada PRU 2013

Sumber: Soal selidik di lapangan 2013

Merujuk kepada parti politik yang akan disokong dalam PRU ke-13, responden kebanyakannya menyokong BN iaitu 60.1 peratus (Lihat Rajah 6). Seperti yang disedia maklum bahawa majoriti penghuni PPR menyokong BN kerana jasa pihak tersebut yang menguasai Kerajaan seterusnya kementerian dan agensi yang terbabit dengan penyediaan rumah PPR tersebut. Terdapat beberapa faktor yang mendorong responden menyokong BN.

Faktor nasional yang dilihat mempengaruhi sokongan responden kepada BN ialah keamanan, kestabilan dan kemajuan yang diperjuangkan BN oleh Perdana Menteri Dato' Mohd Najib Tun Abdul Razak. Pengundi terutamanya daripada etnik Melayu berdiri teguh di belakang PM dan UMNO dan percaya hanya UMNO yang dapat mempertahankan legasi Melayu di Kuala Lumpur. Pengundi juga tidak inginkan kepada kekecohan ataupun huru-hara seperti 'Arab Spring' kerana keadaan itu hanya merugikan rakyat dan negara. Pembangkang perlu bersikap seperti BN iaitu dalam PRU 12, BN kalah lima negeri tetapi penyokong BN tidak mencetuskan huru hara. BN menghormati undang-undang serta proses pilihan raya. Penduduk Kuala Lumpur khususnya tidak mungkin terpengaruh dengan perbuatan khianat serta tidak bertanggungjawab tersebut.

Faktor nasional seterusnya ialah program 'transformasi' yang dijalankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak diterima rakyat. Antara program transformasi yang praktikal dan dapat dinikmati terus oleh rakyat ialah pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Strategi yang

digunakan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak bagi memujuk rakyat khususnya dalam kalangan penyokong tegarnya dan juga pengundi atas pagar agar mengundi BN pada PRU ke-13 seterusnya berjaya menarik sokongan pengundi terutamanya daripada etnik Melayu dan India. Pemberian bantuan tunai bernilai RM500 bagi rakyat pendapatan isi rumah kurang daripada RM3000 sebulan dan RM250 bagi individu bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan kurang RM2000 sebulan membuktikan keprihatinan Kerajaan Pusat/BN terhadap bebanan dihadapi rakyat. Hal ini menyebabkan rakyat yang asalnya menyokong PR pada PRU 2008 memikirkan faedah yang diterima sekiranya BN terus memerintah dan menyebabkan mereka memilih BN.

Faktor sentimen keMelayuan turut mempengaruhi sokongan kepada BN. Budaya politik Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur feudal seperti sifat taat setia, akur, submisif dan dikukuhkan lagi dengan hubungan politik *patron/client* (penaung-dinaung) antara yang memerintah dengan yang diperintah yang ditunjukkan oleh rakyat sebagai balasan terima kasih. Keadaan sedemikian mengukuhkan lagi kepemimpinan hegemoni politik Melayu yang ditunjangi sebagai tulang belakang Barisan Nasional (BN). Dalam memperkatakan budaya politik Melayu, beberapa ciri yang sering dikaitkan dengan budaya politik Melayu iaitu ekonomi, Raja-Raja Melayu, Islam, Bahasa Melayu dan keadilan/ketelusan (politik baru).

Kesemua ciri-ciri budaya politik Melayu tersebut mempengaruhi sokongan terhadap BN di kawasan kajian. Politik Melayu lebih bersifat 'feudalisme' iaitu patuh dan taat kepada pemerintah dan mengekalkan 'status quo' UMNO sebagai wadah perjuangan orang Melayu di Malaysia. Ini dikuatkan lagi dengan hujah bahawa orang Melayu sebagai pribumi asal serta pejuang kemerdekaan di Malaysia dan merupakan 'tuan' serta terus-menerus menguasai politik dan pentadbiran di negara ini. Justeru, hegemoni politik Melayu akan terus kekal relevan selagi UMNO sebagai parti keramat orang Melayu bertapak dan berperanan kukuh dalam mempertahankan hak dan kedaulatan Melayu di persada tanah air ini.

Sokongan responden kepada parti-parti dalam Pakatan Rakyat secara keseluruhannya adalah kerana ingin mencuba pemerintahan yang baru, janji atau manifesto yang ditawarkan, kepemimpinan Anwar Ibrahim dalam menyatukan parti-parti yang berlainan ideologi, simpati terhadap perjuangan PR, faktor sokongan pengundi muda dan penggunaan media alternatif/media sosial untuk memperoleh maklumat politik. Kedudukannya perumahan PPR yang berada dalam kawasan bandar raya Kuala Lumpur yang dipengaruhi oleh fenomena 'ubah', 'ini kalilah', 'tsunami bandar', 'revolusi maklumat media sosial dan internet' serta 'tsunami politik Cina' dan 'tsunami politik golongan pertengahan' telah memastikan sebahagian responden untuk menyokong PR.

Parti-parti dalam gabungan Pakatan Rakyat dilihat mempunyai ciri-ciri yang diinginkan segelintir responden di kawasan kajian. Mereka menyokong parti politik yang memperjuangkan isu-isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti rasuah sebagai ciri utama. Mereka juga mahukan parti yang mempunyai calon yang dapat memelihara perpaduan kaum, berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi. Parti politik perlu mendahulukan kehendak rakyat dengan memperjuangkan isu ketelusan, anti rasuah dan mementingkan hak asasi kerana hanya parti yang dipercayai dan berprinsip akan disokong rakyat dan terus menang dalam setiap pilihan raya yang mendatang. Rakyat juga mendokong demokrasi dan hak asasi kerana mereka akan lebih selesa jika pandangan mereka turut diambil kira oleh parti terutama dalam merangka manifesto parti dalam kempen pilihan raya.

Pengundi juga menyokong parti politik yang realistik dalam menjanjikan sesuatu perkara terutamanya perkara-perkara yang mementingkan rakyat dalam soal ekonomi mikro (ekonomi rakyat) yang berlegar pada isu harga barang, gaji minimum, bil elektrik dan air, kemudahan infrastruktur dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. PR juga dilihat mengutamakan pemilihan calon yang berwibawa dan dilihat bersih serta tidak mengambil kesempatan untuk mengutamakan diri sendiri dan kaum kerabat semata-mata jika diberi peluang dipilih sebagai pemimpin kelak. Pengundi bebas membuat pilihan dan pilihan mereka masih dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang menjadi parameter/kriteria mereka. Parameter tersebut amat penting diambil kira oleh calon dan parti politik yang bertanding dan bagaimana ianya dapat diserapkan ke dalam strategi memenangi hati pengundi. Walaupun pola perlakuan politik berubah mengikut keadaan persekitaran dan isu semasa tetapi parameter seperti kepimpinan dan personaliti calon, manifesto dan pelaksanaan pembangunan akan menjadi teras dalam membuat keputusan memilih calon dan parti politik. Apa yang penting ialah parameter pengundi mestilah selari atau sama seperti yang dipunyai oleh calon dan parti. Sekiranya tidak sama maka berlakulah pergeseran antara aspirasi pengundi, calon dan parti.

Faktor seterusnya ialah sokongan daripada pengundi muda. Pengundi muda iaitu pengundi saluran 3 dan ke atas dilihat lebih cenderung menyokong calon PR yang kebanyakannya muda dan *enegertic* sekaligus dilihat dapat memahami inspirasi atau kehendak anak muda di kawasan tersebut. Kelantangan calon-calon PR yang muda ini dalam memperjuangkan isu setempat dan nasional mendapat sokongan pengundi muda yang mempunyai jiwa yang kental, bersifat 'kepembangkangan', 'vokal', 'kritis', mementingkan integriti, memperjuangkan 'politik sivil' dan mempunyai sikap 'inkuiri' atau ingin tahu yang lebih mendalam terhadap sesuatu perkara atau isu.

Faktor berikutnya ialah sokongan padu pengundi Cina. Kebanyakan pengundi Cina terutamanya di PPR Salak Selatan menyokong PR/DAP. Jika dalam PRU 2008 dalam lingkungan 70 peratus pengundi Cina menyokong PKR naman dalam PRU 2013 kali ini, pengundi Cina 'solid' atau boleh dikatakan antara 80 hingga 90 peratus dalam kalangan mereka menyokong calon PKR. Politik orang Cina yang mementingkan keadilan, integriti, anti penyelewengan/korupsi dan anti kronisme/nepotisme dalam agihan kekayaan negara menjadi prinsip perjuangan Pakatan Rakyat dalam manifesto bersama seterusnya mendapat sokongan padu pengundi Cina.

Seterusnya faktor isu nasional turut menjadi pertimbangan responden untuk menyokong PR. Isu-isu nasional yang dimaksudkan ialah isu rasuah PKFZ, skandal seks, keadilan dan ketelusan, kematian Teoh Beng Hock dan Kugan, keceluparan Datuk Zulkifli Nordin terhadap agama Hindu, debat manifesto BN-PR, isu pengagihan ekonomi, isu kaum Cina yang dianggap sebagai 'pendatang' dan 'warganegara kelas kedua', isu ketelusan SPR, isu kredibiliti polis dan SPRM dan isu kredibiliti pemimpin. Kesemua isu tersebut merupakan 'politik sivil' dan melibatkan nilai moral, integriti, keadilan, keharmonian dan anti korupsi yang menjadi pertimbangan pengundi terutamanya golongan muda, golongan elit dan pertengahan yang berpendidikan tinggi untuk menyokong calon PR.

Faktor selanjutnya yang mempengaruhi sokongan kepada PR ialah media dan sumber maklumat politik. Media arus perdana yang dilihat 'berat sebelah' dan tidak adil juga telah menyebabkan pengundi terutamanya golongan muda dan atas pagar telah 'meluat' dengan media kawalan Kerajaan BN tersebut. Ini kerana, media arus perdana hanya memberi liputan berita kepada

BN terutama mengenai penerangan manifesto dan pemberitahuan tentang projek-projek pembangunan. Jika dilihat sepanjang tempoh berkempen yang diadakan semasa PRU ke-13, liputan stesen radio dan TV milik RTM yang menguruskan TV1 dan TV2 serta puluhan stesen radio lebih banyak menghebahkan kegiatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan para menteri. Kegiatan parti pembangkang tidak langsung diberikan kecuali dengan tujuan untuk meletakkan mereka dalam konteks yang negatif. Akibat daripada 'meluat' dengan pemberitaan tersebut menyebabkan mereka telah mengakses maklumat terutamanya yang berkaitan dengan politik melalui media alternatif iaitu internet/blog dan media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *youtube*, *email*, *yahoo messenger* dan juga SMS yang seperti sedia maklum maklumatnya didominasi oleh sumber daripada Pakatan Rakyat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, persepsi politik di Kuala Lumpur berbeza mengikut kaum, kelas sosial dan juga pendapatan bulanan mereka. Pengundi di Kuala Lumpur mempunyai 'deria' politik tersendiri yang turut dipengaruhi oleh isu semasa dan juga tahap perkhidmatan yang disediakan oleh penguasa tempatan iaitu DBKL yang secara refleksnya dianggap sebagai 'jentera' BN yang menguasai Kerajaan Persekutuan. Sentimen 'politik bandar' yang menguasai ruang geografi Kuala Lumpur yang mempunyai pelbagai kemudahan asas di samping mengalami akses maklumat yang luas iaitu internet menjadikan mereka 'penilai politik' yang terbuka, tanpa terkongkong kepada sajian maklumat daripada satu pihak sahaja. Justeru mereka tidak boleh diperkotak katikkan, sebaliknya sumbangan mereka dalam mengundi sesuatu parti atau calon perlu diterjemahkan oleh wakil rakyat yang menang kepada perkhidmatan kemasyarakatan yang baik dan cemerlang untuk memastikan wakil rakyat yang telah menang tersebut akan dipilih pada penggal PRU yang seterusnya.

SENARAI RUJUKAN

Abdul Ghafar Abdullah. (2013). Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan PPR Kg Muhibbah, Temubual pada 8 Oktober di kawasan perumahan PPR Kg Muhibbah, Kuala Lumpur, jam 10.00 pagi.

Adnan Haji Nawang. (1997). *Kuala Lumpur dari perspektif Haji Abdullah Hukum*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Ahmad Kamal Arifin Mohd Rus. (2001). *'Sanitary Board' Kuala Lumpur: peranan dan pentadbiran 1890-1914*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Ainon Mohd. (2005). *Teori dan teknik kepimpinan: panduan aplikasi di tempat kerja*. Pahang: PTS Professional.

Almond, G. A. & Powell G. B. (1984). *Comparative politics today: A world view*. Boston: Little Brown.

Arindita, S. (2003). *Hubungan antara persepsi kualitas pelayanan dan citra bank dengan loyalitas Nasabah*. Surakarta: Fakultas Psikologi UMS.

Azmeer Azmi. (2012). Pembentukan Wilayah Persekutuan 1974: isu penyerahan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Pusat. Kertas Kerja The 8th International Malaysian Studies Conference (MSC8). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Institut Kajian Okcidental dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia. 9-11 Julai.

Daud Isnin. (2013). Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan PPR Seri Malaysia, Temubual pada 3 Oktober di kawasan perumahan PPR Seri Malaysia, Kuala Lumpur, jam 5 petang.

DBKL. (1970). *Memorandum explaining the comprehensive developments plans*. Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

DBKL. (1990). *Album 100 tahun Kuala Lumpur menjadi penguasa tempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

DBKL. (1995). *Buku bergambar Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Fiedier F.E. (1967). *A theory of leadership effectiveness*. New York: McGrawHill.

http://www.pru13.gov.my/default.informasi.04.php?state=KUALA%20LUMPURdannegeri=pdf/statistik_umum/kl2.pdf

http://www.pru13.gov.my/pdf/statistik_bilangan_parlimen/statistik_pemilih_negeri.pdf

- Ismail Mohd Yusof & Azmi Ahmad Baharom. (2001). *Pembandaran Kuala Lumpur: Satu analisis perkembangan fizikal bandaraya. Persidangan Kebangsaan Geografi Dalam Pembangunan Negara 2001*. Kuala Lumpur: Jabatan Geografi, Universiti Malaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2004). *Bank data negeri/daerah Malaysia 2004*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Johnston, R. J. (1979). *Political electoral and spatial system*: Oxford, UK: Oxford University Press.
- JPI. (1995). *The expansion and growth of ft master plan for Kuala Lumpur developments in the next century*. Kuala Lumpur: Jabatan Pelan Induk, tidak diterbitkan.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali. (2012). *Pembangunan perumahan: sejarah, polisi dan impak geopolitik di Kuala Lumpur. Postgraduate Research Seminar (POGRES), 2012*. Bangi: Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. 21 November.
- Kamarudin Hamid. (2013). *Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan PPR Seri Cempaka, Temubual pada 8 Oktober di kawasan perumahan PPR Seri Cempaka, Kuala Lumpur, jam 5.30 petang*.
- Kamarul Afizi Kosman, Lim Yong Long, Rosdan Abdul Manan, Azimin Samsul Mohd Tazilan & Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (2008). *50 tahun perumahan awam di Kuala Lumpur: Menyingkap sejarah, perkembangan dan halatuju perumahan di ibu negara*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairani Alladin @ Jalaludin. (1993). *Pengangkutan darat: Kesannya terhadap alam sekitar, kajian kes di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kotler, Philip. (2000). *Marketing management: analysis, planning, implementation, and control*. 9th Edition. New Jersey: Prentice Hall International, Int.

- Mohd Hamdan Adnan. (1995). *Pendapat umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nohlen, D, Grotz, F & Hartmann. (2001). *Elections in Asia and the Pacific: A data handbook*. Oxford: Oxford University Press.
- Peter Loo Hooi Piow & Phang Yow Kit. (2012). *Images of Kuala Lumpur*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Ribicoff, A. & Newman, J.O. (1973). *Politik Cara Amerika*: Terj. Taib Ahmad. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu Berhad.
- Robbins, S.P. (2003). *Perilaku organisasi*. Jilid I. Jakarta: PT INDEKS Kelompok Gramedia.
- Rosmadi Fauzi. (2013). Pilihan raya: Ruang dan Masa. Dlm. *Harian Metro*, 28 Februari.
- UPSB. (1996). *Garis panduan pengekalan bangunan*. Kuala Lumpur: Unit Pengekalan dan Seni Bandar. JP&KB, tidak diterbitkan.
- Walgito, Bimo. (2003). *Pengantar psikologi umum*. Yogyakarta, Indonesia: Andi Offset.
- Yamane, T. (1967a). *Elementary sampling theory*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Yamane, T. (1967b). *Statistics: An Introductory Analysis*, 2nd Ed., New York: Harper and Row.